

21/01/2002

Penduduk mahu kerajaan bertindak tegas terhadap warga asing

NILAI, Ahad - Penduduk di pekan ini meminta kerajaan bertindak tegas terhadap warga asing yang merusuh sehingga menjejaskan ketenteraman dan keamanan negara.

Mereka berkata, pihak berkuasa seharusnya tidak teragak-agak berbuat demikian, termasuk menghantar mereka pulang ke negara asal.

Tinjauan mendapati penduduk, termasuk peniaga di sini hari ini, mendapati rusuhan yang berlaku di asrama pekerja asing yang menempatkan warga Indonesia, awal pagi Khamis lalu, adalah satu kejadian mengerikan.

Mereka menyifatkan tindakan mereka menimbulkan kekacauan itu sebagai melampau dan bercanggah dengan budaya hidup masyarakat negara ini.

Penduduk yang ditemui juga bersetuju dengan amaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menegaskan, jika mereka tidak berasa sesuai bekerja di negara ini, mereka hendaklah pulang semula ke negara asal.

Selain itu, mereka meminta pekerja yang terbabit dari syarikat tekstil itu, Hualon Corporation (M) Bhd, sewajarnya dihukum setimpal kerana tidak menghormati undang-undang negara.

Dalam kejadian itu, sekumpulan 500 pekerja Indonesia yang menginap di asrama kilang Hualon di Nilai, merusuh dan menyerang anggota polis yang menjalankan operasi pencegahan dadah di situ.

Mereka dikatakan bertindak ganas kerana membantah penahanan 16 rakan yang disahkan positif dalam ujian air kencing bagi mengesan dadah.

Pekerja Indonesia, yang bersenjatakan parang, pisau, kayu dan batu itu juga memecahkan pintu dan cermin asrama sebelum membuang pecahan kerusi di merata kawasan kilang serta turut merosakkan sekurang-kurangnya empat kenderaan polis.

Seorang pekerja kilang, Zaini Salleh, 23, berkata mereka seharusnya sedar kerajaan Malaysia memberikan peluang kepada mereka untuk mencari rezeki di sini.

"Tetapi, mereka bukan saja berlagak angkuh, malah sanggup mencabar undang-undang negara.

"Kejadian yang berlaku di sini membabitkan pekerja atau warga asing bukannya kes pertama kerana sebelum itu, mereka turut merusuh di beberapa tempat penempatan sementara seperti yang berlaku di Pontian, Johor dan Melaka.

"Jika ada pilihan, kerajaan seharusnya mengambil pekerja dari negara asing lain, jika warga negara jiran kita itu sanggup membawa budaya samseng ke sini," katanya.

Bagi peniaga restoran di Taman Semarak, berhampiran kilang terbabit, Fatihah Ibrahim, 24, turut terkejut dengan peristiwa hitam itu.

Katanya, perniagaannya merosot kerana sebahagian pekerja kilang tidak keluar makan, selain ada di antara mereka bimbang untuk keluar.

"Kejadian yang berlaku itu memang menakutkan dan kelihatan mereka begitu berani menganas dengan merosakkan kenderaan dan mengibarkan bendera negara mereka seperti dirasuk," katanya yang berniaga di situ sejak enam tahun lalu.

Pekerja kilang, Shahrudin Minhat, 23, dukacita terhadap peristiwa itu kerana ia mencemarkan nama baik negara ini yang sentiasa aman, selain menimbulkan ketakutan, terutama rakyat tempatan yang bekerja di kilang berkenaan.

Beliau berkata, mereka yang didapati bersalah sepatutnya dihantar pulang

segera dan disenaraihitamkan daripada masuk semula ke negara ini.
(END)